

Xiamen University jalin kerjasama dengan UPMKB

BINTULU: Xiamen University (XU) dari China memilih Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu (UPMKB) sebagai rakan strategik dalam usaha untuk meningkatkan hubungan antara-bangsa.

Menurut satu kenyataan daripada UPMKB, pemilihan itu dibuat berikutan UPMKB mempunyai kepakaran dalam penyeli-

kan berkaitan kajian etnik sekaligus dapat membantu XU mencapai misi sebagai universiti terbaik di China.

"Melalui lantikan tersebut, tiga 'Profesor Pelawat', iaitu Prof. Madya Dr. Wong Tze Jin, Ts. Dr. Fauziah Abu Bakar dan Dr. Malisah Latip diharapkan dapat membantu pencapaian universiti ke peringkat lebih tinggi melalui

kehadiran mereka di XU.

"Selain itu, pertukaran pelajar dan perkongsian dana penyelidikan juga dapat membantu para penyelidik di kedua-dua universiti untuk mencapai petunjuk prestasi utama (KPI) yang menjurus kepada pengantarabangsa dan impak positif kepada UPMKB," ujar kenyataan itu.



LANTIK... Salah seorang profesor pelawat daripada UPMKB yang dilantik menerusi kerjasama rakan strategik itu menerima dokumen pelantikan.